



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***HUBUNGAN ANTARA PENGUASAAN KONSEP, EFIKASI KENDIRI DAN
AMALAN PENGAJARAN DENGAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS
TINGGI MURID TINGKATAN EMPAT PRINSIP PERAKAUNAN***

WEE GOIK LENG

FPP 2021 12



**HUBUNGAN ANTARA PENGUASAAN KONSEP, EFIKASI KENDIRI DAN
AMALAN PENGAJARAN DENGAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI
MURID TINGKATAN EMPAT PRINSIP PERAKAUNAN**

Oleh

WEE GOIK LENG

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains**

Disember 2020

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**HUBUNGAN ANTARA PENGUASAAN KONSEP, EFIKASI KENDIRI DAN
AMALAN PENGAJARAN DENGAN KEMAHIRAN BERFIKIR ARAS TINGGI
MURID TINGKATAN EMPAT PRINSIP PERAKAUNAN**

Oleh

WEE GOIK LENG

Disember 2020

Pengerusi : Prof. Madya Suhaida Abdul Kadir, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Satu cabaran dalam pendidikan abad ke-21 ini adalah untuk menghasilkan murid yang mempunyai kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Kemahiran berfikir merupakan satu elemen penting yang perlu diterap dalam kalangan murid agar lebih kompetitif dan mendapat tempat dalam pasaran global. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara penguasaan konsep, efikasi sendiri dan amalan pengajaran dengan KBAT mata pelajaran Prinsip Perakaunan dalam kalangan murid Tingkatan Empat. Objektif kajian ini adalah untuk menentukan tahap penguasaan konsep, efikasi sendiri, amalan pengajaran dan KBAT murid Prinsip Perakaunan di Malaysia serta faktor dominan yang mempengaruhi KBAT dalam kalangan murid Prinsip Perakaunan. Reka bentuk kajian ini adalah berbetuk deskriptif korelasi dengan menggunakan soal selidik dan ujian pencapaian sebagai instrumen pengumpulan data. Seramai 467 orang murid Tingkatan Empat yang mengambil elektif Prinsip Perakaunan di Malaysia telah dilibatkan dalam kajian ini. Responden telah dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah strata berkadaran daripada lima Zon dalam Malaysia iaitu Kedah mewakili zon Utara, Kelantan mewakili zon Timur, Johor mewakili zon Selatan, Negeri Sembilan dan Selangor mewakili zon Tengah dan Sarawak mewakili zon Malaysia Timur. Data yang diperoleh kemudiannya diproses menggunakan *IBM SPSS* versi 23. Keputusan analisis korelasi memperlihatkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan antara penguasaan konsep ($r=0.655$), efikasi sendiri ($r=0.344$) dan amalan pengajaran ($r=0.149$) dengan KBAT dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Hasil analisis deskriptif pula mendapati tahap KBAT murid, penguasaan konsep dan efikasi sendiri murid adalah pada tahap yang sederhana dengan skor min sebanyak 60.66, 63.15 dan 2.74. Manakala bagi tahap amalan pengajaran pula adalah pada tahap yang tinggi (min=4.49, sp=0.69). Seterusnya analisis regresi *stepwise* menunjukkan penguasaan konsep merupakan faktor yang dominan penyumbang kepada KBAT dalam kalangan murid Prinsip Perakaunan dan diikuti efikasi sendiri sebagai penyumbang kedua. Implikasi kajian ini

menguatkan lagi model perubahan konseptual dan teori kognitif sosial dengan membuktikan bahawa kepentingan penguasaan konsep dan efikasi sendiri dalam mempengaruhi pencapaian murid khususnya dalam KBAT. Justeru itu, guru sebagai agen perubahan turut memainkan peranan yang penting dalam memastikan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran agar murid dapat menguasai konsep yang diajar dan sekali gus meningkatkan efikasi sendiri. Sebagai kajian lanjutan, dicadangkan dapat melibatkan pemboleh ubah pengurusan bilik darjah sebagai faktor mediator yang menjelaskan hubungan antara amalan pengajaran guru dengan pencapaian KBAT murid. Selain itu, disarankan agar kajian akan datang dapat menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif agar isu penguasaan KBAT ini dapat dikaji dan diterokai dengan lebih mendalam dan lebih spesifik.

Kata kunci: Kemahiran berfikir, kemahiran berfikir aras tinggi, penguasaan konsep, efikasi sendiri, amalan pengajaran, murid Perakaunan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Master of Science

RELATIONSHIP BETWEEN CONCEPT MASTERY, SELF EFFICACY AND TEACHING PRACTICES WITH HIGHER ORDER THINKING SKILLS AMONG FORM FOUR PRINCIPLES ACCOUNTING STUDENTS

By

WEE GOIK LENG

December 2020

Chairman : Assoc. Prof. Suhaida Abdul Kadir, PhD
Faculty : Educational Studies

One of the challenges in 21st Century education today is to produce students with higher level thinking skills (HOTS). Thinking skills is an important element that students need to develop in order to be more competitive and to gain a place in the global market. This study aimed to identify the relationship between concept mastery, self-efficacy and teaching practices with HOTS among Form Four Accounting Principles students. The objectives of this study were to determine the level of concepts mastery, self-efficacy, teaching practices and HOTS of Accounting Principles students in Malaysia as well as the dominant factors influencing HOTS among Accounting Principles students. The design of this study is a descriptive correlation using questionnaires and achievement tests as a data collection instrument. A total of 467 Form Four students who took the Accounting Principles elective in Malaysia were involved in this study. Respondents were selected using stratified simple random sampling method from five Zones in Malaysia, namely Kedah representing the Northern zone, Kelantan representing the Eastern zone, Johor representing the Southern zone, Negeri Sembilan and Selangor representing the Central zone and Sarawak representing the East Malaysia zone. The data obtained are then processed using IBM SPSS version 23. The results of the correlation analysis showed that there was a significant positive relationship between concept mastery ($r = 0.655$), self-efficacy ($r = 0.344$) and teaching practice ($r = 0.149$) with HOTS in the subject of Accounting Principles. The results of the descriptive analysis found that the students' HOTS levels, concept mastery and self-efficacy were at a moderate level with mean scores of 60.66, 63.15 and 2.74. Whereas the level of teaching practice was high (mean = 4.49, SD = 0.69). Subsequently, stepwise regression analysis showed that mastery of concepts was a dominant contributor to HOTS among Accounting Principles students followed by self-efficacy as a second contributor. The implications of this study reinforced the conceptual change model and social cognitive theory by proving the importance of concepts mastery and self-efficacy in influencing student achievement especially in HOTS.

Hence, teachers as change agents also play an important role in ensuring the effectiveness of the teaching and learning process so that students can master the concepts taught and thus improve self-efficacy. As a further study, it is suggested to involve classroom management variables as a mediator factor that explains the relationship between teacher teaching practices and student HOTS achievement. In addition, it is recommended that future studies be able to combine quantitative and qualitative methods so that the issue of mastery of HOTS can be studied and explored in more depth and more specifically.

Keywords: Thinking skills, higher order thinking skills, concept mastery, self-efficacy, teaching practices, Accounting student



PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan yang memberikan kekuatan dan ilham serta diberikan kemudahan dan peluang untuk menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya. Setinggi- tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang membantu secara langsung dan tidak langsung dalam penyediaan tesis ini.

Syukur kepada Tuhan yang memberikan kekuatan dan ilham serta diberikan kemudahan dan peluang untuk menyiapkan penyelidikan ini dengan jayanya. Setinggi- tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang membantu secara langsung dan tidak langsung dalam penyediaan tesis ini.

Ucapan jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) kerana telah menganugerahkan kepada saya Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana ini. Penghargaan ini juga ditujukan istimewa buat penyelia yang amat saya kasihi dan hormati iaitu Prof. Madya Dr. Suhaida Abdul Kadir dan Datin Rosnani Jusoh selaku penyelia kedua yang telah banyak membimbing saya dari peringkat permulaan penyelidikan sehinggalah terhasilnya tesis ini. Segala jasa, nasihat dan tunjuk ajar yang telah diberikan didahului dengan ucapan terima kasih yang tidak terhingga. Hanya Tuhan sahaja dapat membalas curahan ilmu dan pengorbanan masa yang telah diberikan kepada saya sepanjang pengajian saya di Universiti Putra Malaysia (UPM) ini.

Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran (EPRD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), pengetua dan guru serta murid-murid yang terlibat dalam memberikan keizinan menjalankan kajian dan membantu dalam mendapatkan maklumat dan data yang diperlukan untuk menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan yang terlibat secara langsung atau tidak langsung untuk menjayakan penyelidikan ini.

Akhir sekali, ucapan penghargaan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan khas buat suami tercinta dan anak-anak yang sentiasa menyokong dan mengorbankan masa sepanjang tempoh pengajian ini, Tidak ketinggalan juga kepada adik-beradik dan ahli keluarga yang sentiasa memberikan sokongan dan galakan ketika susah dan senang. Sokongan moral, galakan dan doa kalian telah membantu saya berjaya menyiapkan tesis ini. Semoga dengan terhasilnya penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada orang lain. Sekian, terima kasih.

Tesis ini telah dikemukakan pada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Suhaida Abdul Kadir, PhD
Professor Madya
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rosnani Jusoh, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ZALILAH MOHD SHARIFF, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh: 06 Mei 2021

SENARAI KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	I
ABSTRACT	lii
PENGHARGAAN	V
PENGESAHAN	Vi
PERAKUAN	Viii
SENARAI JADUAL	Xiii
SENARAI RAJAH	Xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB

1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Kajian	1
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.4.1 Objektif Umum Kajian	8
	1.4.2 Objektif Khusus Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Kepentingan Kajian	9
	1.7 Batasan Kajian	10
	1.8 Definisi Operasional	10
	1.8.1 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	10
	1.8.2 Penguasaan Konsep	11
	1.8.3 Efikasi Kendiri	11
	1.8.4 Amalan Pengajaran	11
	1.9 Kesimpulan	11
2	TINJAUAN LITERATUR	13
	2.1 Pendahuluan	13
	2.2 Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	13
	2.2.1 Model Taksonomi Bloom	15
	2.2.2 Teori Konstruktivisme	17
	2.3 Penguasaan Konsep	19
	2.3.1 Model Perubahan Konseptual	20
	2.4 Efikasi Kendiri	21
	2.4.1 Teori Kognitif Sosial	22
	2.5 Amalan Pengajaran	22
	2.5.1 Model Peringkat Cropley (Cropley's Stages Model)	23
	2.6 Kajian Lepas	25
	2.6.1 Tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	25

2.6.2	Penguasaan Konsep dan Hubungannya dengan Pencapaian Akademik	27
2.6.3	Efikasi Kendiri dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid	29
2.6.4	Amalan Pengajaran Guru dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid	32
2.6.5	Faktor - Faktor yang Mempengaruhi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT)	35
2.7	Kerangka Konseptual Kajian	37
2.8	Kesimpulan	38
3	METODOLOGI	39
3.1	Pendahuluan	39
3.2	Reka Bentuk Kajian	39
3.3	Populasi dan Persampelan Kajian	39
3.3.1	Populasi Kajian	39
3.3.2	Penentuan Saiz Sampel	40
3.3.3	Teknik Persampelan	42
3.4	Instrumen Kajian	43
3.4.1	Instrumen Soal Selidik	44
3.4.2	Instrumen Ujian Pencapaian	45
3.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	47
3.5.1	Kesahan	47
3.5.2	Kebolehpercayaan Soal Selidik dan Ujian Pencapaian	49
3.5.3	Kajian Rintis	50
3.6	Tatacara Kajian	51
3.7	Analisis Data	51
3.7.1	Analisis Penerokaan Data	52
3.7.2	Penganalisan Data Statistik	54
3.8	Kesimpulan	57
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	58
4.1	Pendahuluan	58
4.2	Demografi Responden	58
4.3	Tahap Penguasaan Konsep, Efikasi Kendiri, Amalan Pengajaran dan KBAT Murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan di Malaysia	59
4.3.1	Tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan	59
4.3.2	Tahap Penguasaan Konsep Murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan	61

4.3.3	Tahap Efikasi Kendiri Murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan	62
4.3.4	Tahap Amalan Pengajaran berdasarkan Persepsi Murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan	62
4.4	Hubungan antara Penguasaan Konsep, Efikasi Kendiri Dan Amalan Pengajaran dengan KBAT murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan	64
4.5	Faktor Peramal bagi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan	66
4.6	Perbincangan	67
4.6.1	Tahap Penguasaan Konsep, Efikasi Kendiri, Amalan Pengajaran Dan KBAT Murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan Di Malaysia	68
4.6.2	Hubungan antara penguasaan konsep, efikasi kendiri dan amalan pengajaran dengan KBAT murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan	74
4.6.3	Faktor Peramal bagi Kemahiran Berpikir Aras Tinggi (KBAT) Murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan	77
4.7	Kesimpulan	79
5	RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN	80
5.1	Pendahuluan	80
5.2	Rumusan Kajian	80
5.3	Kesimpulan	81
5.4	Implikasi dan Sumbangan Kajian	82
5.4.1	Implikasi Teoritikal	83
5.4.2	Implikasi Praktikal	83
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	84
5.6	Penutup	85
	BIBLIOGRAFI	87
	LAMPIRAN	100
	BIODATA PELAJAR	141
	SENARAI PENERBITAN	142

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1.1	Analisis pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan SPM 2014 hingga 2019	5
2.1	Dimensi Taksonomi Bloom semakan semula	17
3.1	Saiz populasi (Bilangan sekolah dan murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan mengikut negeri)	40
3.2	Pemilihan sampel murid	42
3.3	Ringkasan instrumen kajian	44
3.4	Sub konstruk Amalan Pengajaran Guru	45
3.5	Gred pemarkahan menengah atas mengikut SAPS dan penentuan tahap berdasarkan julat markah	46
3.6	Konstruk KBAT	47
3.7	Rumusan instrumen ujian pencapaian	47
3.8	Nilai pekali bagi setiap konstruk dalam kajian	50
3.9	Pekali korelasi antara setiap pemboleh ubah (n = 467)	54
3.10	Rumusan analisis ujian statistik bagi setiap persoalan kajian	55
3.11	Skor min dan interpretasinya	56
3.12	Cohen rule of thumb untuk saiz dan kekuatan hubungan	56
4.1	Taburan profil responden kajian (n = 467)	59
4.2	Taburan tahap KBAT murid mengikut konstruk dan secara keseluruhan (n=467)	60
4.3	Taburan tahap penguasaan konsep murid (n=467)	61
4.4	Taburan tahap efikasi murid terhadap KBAT mengikut tahap (n=467)	62
4.5	Taburan tahap amalan pengajaran dan rumusan keseluruhan mengikut sub konstruk amalan pengajaran guru terhadap KBAT (n=467)	64
4.6	Rumusan keputusan analisis korelasi antara penguasaan konsep, efikasi sendiri dan amalan pengajaran terhadap KBAT (n=467)	65
4.7	Analisis varian	66
4.8	Analisis regresi pelbagai pengaruh penguasaan konsep, efikasi sendiri dan amalan pengajaran terhadap KBAT Murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan	67

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
2.1	Hierarki Taksonomi Bloom 1956	16
2.2	Perbezaan antara Taksonomi Bloom dan Taksonomi Semakan Anderson	16
2.3	Model Perubahan Konseptual	21
2.4	Pengaruh jangkaan efikasi ke atas tingkah laku dan hasil	22
2.5	Kerangka konseptual kajian	38
3.1	Teknik persampelan kajian	43
3.2	Graf plot kebarangkalian normal	53
3.3	P-P Plot perkaitan antara penguasaan konsep, efikasi sendiri dan amalan Pengajaran dengan KBAT murid	53
3.4	Graf plot taburan reja	54

SENARAI SINGKATAN

BPK	Bahagian Pembangunan Kurikulum
BPPDB	Bahagian Perancangan & Penyelidikan Dasar Pendidikan
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
ICT	<i>Information technology system</i>
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JSU	Jadual spesifikasi ujian
KBAT	Kemahiran berfikir aras tinggi
KBKK	Kemahiran berfikir kritis dan kreatif
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
K-R20	<i>Kuder-Richardson 20</i>
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
PdPc	Pengajaran dan pemudahcaraan
PISA	<i>The Program for International Students Assessment</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PT3	Pentaksiran Tingkatan 3
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
SP	Sisihan piawai
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
TIMSS	<i>Trends in International Mathematics and Science Study</i>
TVET	Pendidikan Teknik dan Vokasional
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSI	Universiti Pendidikan Sultan Idris



© COPYRIGHT UPM

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Bab ini meliputi perbincangan mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian dan persoalan kajian. Seterusnya kepentingan kajian serta batasan kajian turun diperjelaskan. Di penghujung bab ini, definisi konstitutif dan operasional bagi pemboleh ubah yang digunakan dalam kajian juga disertakan.

1.2 Latar Belakang Kajian

Perubahan globalisasi dan peningkatan momentum perniagaan dalam abad ke-21 telah menjadikan kemahiran berfikir sebagai satu kemahiran yang perlu dipupuk dalam kalangan murid. Penekanan kemahiran berfikir ini turut menjadi satu agenda penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Peningkatan ekonomi dan pembangunan sesebuah negara amatlah berkait rapat dengan sistem pendidikan yang diamalkan. Sistem pendidikan merupakan tunjang utama dalam mencorakkan generasi muda yang berkualiti dan berdaya saing sekali gus mampu meraih tempat di pasaran global. Melalui pendidikan, negara mampu mencorakkan modal insan yang ingin dihasilkan. Selaras dengan kandungan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013-2025) yang menyatakan bahawa pendidikan merupakan salah satu tunjang yang mampu menyumbang kepada pembangunan dan peningkatan ekonomi sesebuah negara. Menurut Amabile dan Mueller (2008); dan Swartz (2010), sekolah merupakan tempat yang sangat signifikan untuk menyuburkan kebolehan dan potensi pemikiran kritis dan kreatif murid. Justeru itu, proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) yang berlangsung di dalam kelas mampu menentukan kejayaan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Kerajaan telah melaksanakan pelbagai usaha dalam mengangkat martabat dan sistem pendidikan Malaysia. Segala usaha yang dijalankan adalah bertujuan agar modal insan yang dihasilkan akan memiliki nilai pasaran yang tinggi dan sekali gus mampu bersaing di persada dunia. Melalui sistem pendidikan yang direncanakan, murid yang dihasilkan diharapkan akan memiliki jati diri yang utuh, berketerampilan, memiliki sahsiah yang baik, mempunyai pengetahuan dan berkemahiran tinggi meliputi kemahiran asas intelektual seperti membaca dan menulis, numerasi dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT). Lantaran itu, negara telah mengambil langkah transformasi bagi menghadapi cabaran abad ke-21 ini dengan memberikan penekanan kepada kemahiran berfikir dalam kalangan murid seperti mana dalam PPPM (2013-2025).

Merujuk kepada PPPM (2013-2025) Kementerian Pendidikan Malaysia (2013), kemahiran berfikir merupakan satu daripada enam ciri utama yang menjadi aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selain daripada kemahiran dwibahasa, kemahiran memimpin, etika dan kerohanian, identiti sosial dan pengetahuan. Setiap murid perlu menghayati dan memiliki aspirasi ini. Penguasaan kemahiran berfikir yang tinggi mampu melahirkan murid yang kreatif dan inovatif (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Menyedari pentingnya kemahiran berfikir dalam kehidupan seharian, maka kurikulum dan strategi pengajaran pada peringkat global telah menggalakkan penerapan KBAT dalam proses PdPc (Reeves, Redford & Mc Queen, 2010; Lai, 2011). Penekanan kepada KBAT dalam sistem persekolahan telah bermula dari peringkat sekolah rendah lagi dan berlanjutan sehingga sekolah menengah dan seterusnya ke peringkat universiti dan kolej. Pendekatan yang sistematik dan menyeluruh digunakan dalam proses menerapkan KBAT. Penerapan KBAT ini meliputi tiga aspek utama iaitu dalam aspek Kurikulum, Pedagogi dan Pentaksiran. Manakala aspek Kokurikulum, Sumber, Sokongan Komuniti dan Swasta serta Bina Upaya merupakan empat elemen sokongan. Elemen-elemen ini diperlukan dalam kalangan guru dan murid agar KBAT dapat diterapkan dan dibudayakan. Kesemua elemen ini perlu dirancang dengan teliti dan menyeluruh agar dapat memastikan objektif KBAT tercapai (Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan, 2015).

Kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) secara umumnya adalah kesinambungan daripada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif (KBKK) yang telah diperkenalkan dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1994 (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Fokus utama KBKK dalam KBSM adalah perkembangan dan peningkatan daya intelek, pemikiran rasional, kritis dan kreatif dalam kalangan murid. Dalam KBKK aspek kurikulum dan pedagogi telah diberikan penekanan. KBKK lebih memfokuskan kepada penyelesaian masalah dan membuat keputusan. Sementara itu, KBAT pula merupakan salah satu komponen utama dalam kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis. Fokus KBAT pula adalah kepada kebolehan murid untuk menggunakan secara amali pengetahuan, nilai dan kemahiran dalam membuat pertimbangan dan refleksi dalam proses penyelesaian masalah, membuat keputusan, berinovasi dan seterusnya mampu menghasilkan sesuatu (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2013a). Ini selari dengan fokus mata pelajaran di bawah bidang teknik dan vokasional termasuklah mata pelajaran Prinsip Perakaunan di mana, murid-murid disediakan dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran agar mereka dapat mengaplikasikannya ketika menceburi alam pekerjaan selepas tamat persekolahan.

Rentetan daripada itu, bagi menyediakan murid yang lebih mampu menghadapi dunia yang lebih mencabar dalam abad ke-21 ini, KPM telah mengambil inisiatif memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) untuk menggantikan KBSR dan KBSM. Perubahan dalam kurikulum ini telah memperlihatkan elemen KBAT terus diberi penekanan yang lebih serius termasuklah dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. KBAT bukan dijadikan satu mata pelajaran yang baru tetapi

elemen ini diterapkan secara tidak langsung merentasi kurikulum. Elemen KBAT dalam kurikulum dinyatakan secara tersurat dalam KSSM. Tujuan transformasi ini adalah untuk memperkasakan dan mempertingkatkan lagi kemahiran berfikir murid. Menurut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) Prinsip Perakaunan, matlamat KSSM mata pelajaran ini adalah untuk melahirkan murid yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran perakaunan, berakauntabiliti dan mampu berfikir secara kritikal dan reflektif (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Murid diharapkan mampu memahami ilmu yang dipelajari dan menggunakan ilmu pengetahuan tersebut dalam suasana yang sebenar dan tidak hanya menghafal apa yang diajar dalam bilik darjah. Kepentingan penerapan KBAT ini turut dijelaskan oleh Suhaimi, Baharuddin, Hasnah, Norasykin dan Zaleha (2014) yang menyatakan, bagi menyelesaikan masalah seharian, kemahiran kognitif diperlukan dan pembelajaran yang berlaku dalam bilik darjah haruslah bukan secara hafalan dan teori semata-mata. Ini bermakna, murid seharusnya mampu dilatih untuk berfikir secara kritis dan kreatif dalam usaha menyelesaikan masalah yang dihadapi dengan membuat keputusan yang bijak tanpa bergantung kepada orang lain.

Selaras dengan hasrat kerajaan untuk memperkasakan elemen KBAT dalam kalangan murid, penginovasian ke atas pendekatan dan kaedah pengajaran (pedagogi) perlu memainkan peranan yang penting (Suhaimi et al., 2014). Justeru itu, ini membuktikan bahawa amalan pengajaran yang berlangsung dalam kelas mempunyai pengaruh yang besar dalam usaha memastikan segala yang dihasratkan oleh kerajaan dalam pemupukan KBAT dapat dicapai. Guru berperanan mentransformasikan elemen KBAT ini dalam proses PdPc agar dapat merangsang pemikiran berstruktur dan berfokus dalam kalangan murid. Ini bermakna, sepanjang proses pengajaran berlangsung, aspek-aspek kemahiran meliputi kemahiran membuat inferens, ramalan, penyelesaian masalah, membuat keputusan dan lain-lain perlulah diterapkan secara tidak langsung. Menyedari kepentingan ini, maka Bahagian Pembangunan Kurikulum (2016) telah menyarankan guru agar dapat mengaplikasikan KBAT ini melalui aktiviti berbentuk penaakulan, pembelajaran inkuiri, penyelesaian masalah dan projek. Di samping itu, penggunaan alat berfikir seperti peta minda dan peta pemikiran serta teknik penyoalan aras tinggi juga digalakkan agar membolehkan murid berfikir (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Dengan menggunakan kaedah dan teknik ini, murid tidak akan bergantung pada kaedah hafal dan ingat semata-mata, malah dapat menggalakkan murid berfikir dan mengaplikasikan pengetahuan yang dipelajari dalam pelbagai situasi baru.

Selain daripada itu, bagi memastikan aspirasi kerajaan ini tercapai, kesediaan atau motivasi murid bagi menerima proses pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah juga perlu dititik beratkan. Menurut Bandura (1997a), efikasi sendiri merupakan salah satu faktor yang dapat mempengaruhi pencapaian murid khususnya daripada segi akademik. Efikasi sendiri merujuk kepada kemampuan seseorang untuk belajar atau melakukan sesuatu perkara pada tahap yang ditetapkan oleh dirinya sendiri (Bandura, 1997a). Kepercayaan ini dapat mempengaruhi pemikiran, perasaan dan tingkah laku seseorang individu. Sementara itu, efikasi sendiri kreatif pula merujuk kepada kepercayaan seseorang individu untuk menghasilkan hasil yang kreatif (Tierney & Farmer,

2002). Motivasi dan kesediaan murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran sedikit sebanyak dapat menyumbang kepada pencapaian pelaksanaan KBAT ini. Efikasi sendiri dapat mempengaruhi motivasi dan proses aturan sendiri murid dalam beberapa cara (Pajares, 1997). Antaranya mempengaruhi pilihan dan tindakan yang diambil. Selain itu, ia juga akan mempengaruhi jumlah usaha murid untuk sesuatu aktiviti, ketekunan atau ketahanan mereka apabila menghadapi rintangan serta ketabahan apabila menghadapi kesusahan.

Sehubungan dengan itu, dalam proses pembelajaran khususnya dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan, penguasaan konsep amatlah penting. Penguasaan konsep khususnya konsep asas menjadi aspek penting dalam proses pembelajaran (Bayrak, 2013; Dewi, Suryadarma & Wilujeng, 2018; Putri, Rahman & Priyandoko, 2017). Menurut Nur Hani (2003), penguasaan konsep asas murid dalam subjek Perakaunan khususnya sistem catatan bergu adalah menjadi asas kepada proses pembelajaran perakaunan secara keseluruhan. Nur Hani (2003), menjelaskan dengan penguasaan konsep asas ini, murid akan dapat mempelajari lebih lanjut tentang selok belok dalam perakaunan. Tahap penguasaan konsep yang rendah boleh mengakibatkan berlakunya miskonsepsi (Putri et al., 2017). Menurut Dewi et al. (2018), penguasaan konsep bermula daripada proses kognitif yang bermakna. Proses asimilasi akan berlaku apabila murid menjalani proses pembelajaran dan pemahaman dengan konsep awal yang sedia ada pada murid. Semasa proses pembelajaran berlaku sekiranya maklumat yang diterima adalah tidak seimbang dengan maklumat sedia ada, maka proses akomodasi akan berlaku bagi membolehkan murid memahami konsep yang baru diterima. Ini bermakna dalam proses penguasaan kemahiran yang lebih tinggi, murid perlulah menguasai konsep dan kemahiran-kemahiran yang asas. Tambahan, menurut Riki, Fransisca, Sri Redjeki dan Adianto (2014), terdapat beberapa faktor psikologi yang dapat mempengaruhi penguasaan konsep antaranya kecerdasan, perhatian, minat, sikap, motivasi, kematangan dan keletihan. Oleh itu, untuk membolehkan murid menguasai kemahiran berfikir, maka murid terlebih dahulu perlu menguasai kemahiran mengingat, memahami dan mengaplikasi (Dewi et al., 2018). Selaras dengan Taksonomi Bloom semakan Anderson (Anderson & Krathwohl, 2001), penguasaan konsep meliputi aras kemahiran mengingat dan memahami. Manakala berdasarkan pernyataan umum tahap penguasaan Prinsip Perakaunan juga menggariskan tahap satu dan dua merupakan tahap murid mengetahui dan memahami konsep asas perakaunan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016).

Kesungguhan KPM dalam memastikan sistem pendidikan Malaysia memberikan penekanan lebih kepada komponen KBAT boleh dilihat terutamanya apabila soalan-soalan KBAT telah dimasukkan dalam Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula tahun 2014. Pada tahun 2016, menurut Lembaga Peperiksaan (2013b), usaha menerapkan KBAT diteruskan lagi di mana soalan berbentuk pemikiran aras tinggi ditambah sehingga mencapai 80% daripada keseluruhan soalan Ujian Pencapaian sekolah Rendah (UPSR), 80% dalam PT3, 75% daripada keseluruhan soalan bagi mata pelajaran teras SPM dan 50% bagi soalan mata pelajaran elektif SPM. Peratusan soalan KBAT dalam kertas peperiksaan SPM bermula dengan 20%

pada tahun 2014 dan telah meningkat secara berperingkat sehinggalah pada tahun 2019 sebanyak 35% (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Namun begitu, data analisis prestasi SPM mata pelajaran Prinsip Perakaunan di peringkat nasional pada tahun 2014 hingga 2019 menunjukkan gred purata (GP) masih tinggi dan tidak tekal. Pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan di peringkat nasional memperlihatkan masih berlaku kenaikan dan penurunan seperti dalam jadual 1.1. Sementara itu, merujuk kepada laporan pengumuman analisis keputusan SPM pada tahun 2017 dan 2018 turut memperlihatkan penguasaan murid dalam menjawab soalan KBAT juga menurun pada tahun 2018 iaitu sebanyak 61.1% berbanding 66% pada tahun 2017 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Keadaan ini bertambah teruk lagi apabila data yang diperolehi menunjukkan pada tahun 2019 penguasaan murid terus jatuh berbanding tahun 2018 iaitu sebanyak 5.1% (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020).

Jadual 1.1: Analisis pencapaian mata pelajaran Prinsip Perakaunan SPM 2014 hingga 2019

Tahun	Cemerlang	Kepujian	Lulus	Peratus Lulus	Beza %	GP	Beza GP
2014	28.6	39.2	24.6	92.40	-	4.64	-
2015	33.4	36.2	22.3	91.90	- 0.5	4.36	+ 0.28
2016	30.7	38.4	24.0	93.10	+ 1.2	4.52	- 0.16
2017	34.3	35.7	23.9	93.90	+ 0.8	4.29	+ 0.23
2018	35.3	32.5	23.5	91.30	- 2.6	4.36	- 0.07
2019	34.5	34.3	23.3	92.10	+ 0.8	4.37	- 0.01

(Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2019; KPM 2020)

Sehubungan dengan itu, pencapaian murid dalam KBAT diperkukuhkan lagi dengan pencapaian murid dalam Pentaksiran TIMSS (*Trends in International Mathematics and Science Study*) dan PISA (*The Program for International Student Assessment*) bermula pada tahun 1995 hingga 2015 yang menunjukkan kedudukan Malaysia yang kurang memuaskan. Pencapaian TIMSS Malaysia pada tahun 2015 bertambah baik jika dibandingkan dengan tahun 2011. Namun begitu, *ranking* Malaysia masih lagi di belakang beberapa buah negara Asia Timur seperti Singapura, Korea, China Taipei, Hong Kong dan Jepun (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar pendidikan, 2016). Situasi ini memperlihatkan bahawa penekanan KBAT perlu dipandang lebih serius agar negara adalah setaraf dengan negara-negara Asia yang lain.

Terdapat pelbagai faktor yang dapat mempengaruhi KBAT dalam kalangan murid. Ia termasuklah faktor murid, guru dan persekitaran. Gaya pembelajaran

dan motivasi adalah antara faktor murid seperti yang dinyatakan oleh Yee, Yunos, Othman dan Hassan (2015); dan Tan dan Siti Hajar (2015). Manakala faktor guru pula seperti kesediaan guru dan sikap guru turut menjadi cabaran yang dapat mempengaruhi KBAT murid (Nooriza & Effandi, 2015; Tan & Siti Hajar, 2015). Sementara itu, menurut Bahagian Pembangunan Kurikulum (2014), persekitaran pembelajaran dan teknik penyoalan turut dapat mempengaruhi KBAT murid. Persekitaran pembelajaran merangkumi ciri-ciri murid dan guru, susun atur bilik darjah, teknik penyoalan dan bentuk soalan, aktiviti yang dijalankan semasa proses PdPc serta bahan bantu mengajar yang digunakan dalam proses pengajaran (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Menurut Yahya dan Sharliana (2011), ilmu pengetahuan, motivasi, gaya berfikir, personaliti dan keadaan persekitaran juga adalah antara faktor yang dapat mendorong kreativiti murid. Oleh yang demikian, kajian ini penting dijalankan bagi mengenal pasti faktor yang dapat meningkatkan KBAT dalam kalangan murid. Kajian ini hanya memberi fokus kepada faktor penguasaan konsep, efikasi sendiri dan amalan pengajaran guru sebagai penyumbang kepada KBAT murid khususnya murid Prinsip Perakaunan.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam menghadapi cabaran globalisasi dan sistem pendidikan abad ke-21, aspirasi kerajaan bagi melahirkan dan membangunkan generasi muda yang mampu melonjakkan masa depan negara amatlah ditagih. Dalam usaha menjadikan negara sebuah negara maju, negara memerlukan generasi rakyat Malaysia yang mempunyai minda kelas pertama dan mampu menguasai KBAT (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Isu penguasaan murid terhadap KBAT kerap kali diperdebatkan oleh para sarjana dan ilmuan di pelbagai peringkat bagi mencari jalan penyelesaian untuk memenuhi apa yang dihasratkan oleh negara.

Mata pelajaran Prinsip Perakaunan sememangnya merupakan satu mata pelajaran yang memerlukan murid menggerakkan pelbagai kemahiran termasuklah kemahiran berfikir selain daripada kecekapan perakaunan teknikal (Jeacle, 2008). Isi kandungan mata pelajaran ini bukan sahaja meliputi proses merekodkan urus niaga berdasarkan prosedur debit dan kredit, malahan murid didedahkan dengan pelbagai konsep dan prinsip perakaunan dan seterusnya diperkukuhkan dengan kemahiran merekod, mengelas, membuat pertimbangan, menganalisis dan merumuskan serta membuat keputusan data kewangan berdasarkan urus niaga perniagaan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2016). Berlandaskan pengetahuan konsep dan prinsip yang diperolehi ini murid akan menggunakannya dalam proses menganalisis, mengaplikasi, mensintesis dan menilai sesuatu situasi atau urus niaga. Menurut Elmarie dan Chris (2020), murid bukan sahaja perlu mahir tentang kemahiran-kemahiran ini, bahkan perlu menguasainya. Ini membuktikan mata pelajaran ini bukan sahaja memerlukan pemahaman konsep bahkan memerlukan murid untuk berupaya berfikir secara KBAT dan mengaplikasikan pengetahuan dalam kehidupan sebenar. Menurut Burger (2010), kemahiran berfikir ini amat diperlukan dalam proses membina perkembangan kognitif murid daripada sudut persepsi, penyelesaian masalah, kemahiran sosial dan pencapaian motivasi. Selaras dengan Taksonomi Bloom

Semakan Anderson (2001), kemahiran ini merupakan kemahiran yang ditekankan dalam KBAT (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Yee et al. (2011) dalam kajiannya turut menyatakan amalan kemahiran berfikir adalah sebahagian daripada kemahiran generik yang perlu diterapkan dalam semua subjek teknikal.

Dalam usaha meningkatkan pencapaian akademik murid, amalan pengajaran guru dalam kelas dilihat memainkan peranan yang penting (Khairunnisa & Anuar, 2017; Mat Norwani, Yusof, Yahya & Ismail, 2019). Ini kerana guru merupakan agen pelaksana dan perubahan kepada sistem pendidikan yang dihasratkan oleh negara. Di samping itu, faktor efikasi sendiri atau keyakinan murid dalam menerima proses pengajaran dan pembelajaran turut dilihat mampu mempengaruhi pencapaian murid. Efikasi sendiri merupakan asas yang perlu ditanam dalam diri seseorang murid agar lebih berkeyakinan dalam menghadapi pembelajaran dan seterusnya meningkatkan pencapaian akademik (Patchanok & Pornpan, 2017; Hutagalung, 2016). Keadaan ini seterusnya dapat mewujudkan kekuatan mental dan keseimbangan emosi dalam menghadapi arus gelombang ilmu masa kini yang kian mencabar (Zimmerman, 2000). Menyedari hakikat ini, kajian untuk melihat pengaruh efikasi sendiri murid dan amalan pengajaran guru dalam pencapaian murid khususnya penerapan dan penguasaan KBAT dalam kalangan murid haruslah diberi perhatian.

Namun begitu, berdasarkan kajian-kajian lepas didapati ramai pengkaji yang mengkaji tentang tahap KBAT dan cabaran dalam pelaksanaan KBAT. Walau bagaimana pun, kajian mengenai faktor yang paling dominan mempengaruhi KBAT khususnya dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan masih kurang dijalankan. Keputusan kajian lalu menunjukkan tahap KBAT dalam kalangan murid masih lagi perlu diperbincangkan. Kajian Chew dan Zul (2018); Nurashikin (2015); Arni Yuzie dan Ruhizan (2015) dan Mat Norwani et al. (2019) menunjukkan KBAT murid berada pada tahap yang sederhana. Manakala Chew (2017); Ichsan et al. (2019); Gulistan, Saedah, Abu Bakar dan Omed (2015) pula mendapati bahawa KBAT murid masih berada pada tahap lemah. Sementara itu, kurangnya kemahiran guru dalam membina item KBAT (De Bourgh, 2008), kekangan masa dihadapi guru (Yeung, 2015; Tan & Siti Hajar, 2015), faktor bilangan murid ramai dan kurangnya perancangan guru serta persepsi guru (Onoska, 2012; Tan & Siti Hajar, 2015) adalah antara faktor dan cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan KBAT.

Implikasinya, pencapaian SPM dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan di peringkat nasional masih lagi menunjukkan gred purata yang tinggi iaitu melebihi 4.0 (Lembaga Peperiksaan, 2019; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020) Tambahan lagi, laporan pengumuman analisis keputusan SPM 2018 dan 2019 turut menunjukkan penguasaan murid dalam menjawab soalan KBAT juga menurun sebanyak 4.9% dan 5.1% pada tahun 2018 dan 2019 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Senario ini menegaskan bahawa perhatian yang lebih serius perlu diberikan ke atas isu tahap penguasaan KBAT dalam kalangan murid Prinsip Perakaunan. Persoalan

apakah faktor yang dapat mempengaruhi kegagalan murid dalam penguasaan KBAT turut perlu diteliti.

Justeru itu, daripada jurang dan limitasi kajian-kajian lepas, maka kajian ini dijalankan dengan tujuan utamanya untuk mengenal pasti tahap dan hubungan antara penguasaan konsep, efikasi sendiri dan amalan pengajaran dengan KBAT bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan dalam kalangan murid. Di samping itu, faktor yang paling dominan menyumbang kepada KBAT dalam kalangan murid turut menjadi fokus. Tujuan kajian ini menjadi lebih bermakna apabila dapat membantu usaha Kementerian Pendidikan dalam mencapai aspirasi murid bagi melahirkan murid yang mampu untuk berfikir dan mengaplikasikan ilmu pengetahuan dalam situasi sebenar bagi menerajui peningkatan ekonomi dan dunia sejagat pada masa akan datang.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum dan objektif khusus telah dikemukakan bagi menjelaskan hala tujuan kajian ini.

1.4.1 Objektif Umum Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara penguasaan konsep, efikasi sendiri dan amalan pengajaran dengan KBAT bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan dalam kalangan murid Tingkatan Empat.

1.4.2 Objektif Khusus Kajian

Secara spesifiknya, kajian ini bertujuan untuk mencapai objektif-objektif khusus seperti berikut:

- 1) Menentukan tahap penguasaan konsep, efikasi sendiri, amalan pengajaran dan KBAT murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan di Malaysia.
- 2) Menentukan hubungan antara penguasaan konsep, efikasi sendiri dan amalan pengajaran dengan KBAT murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan di Malaysia.
- 3) Menentukan faktor (penguasaan konsep, efikasi sendiri dan amalan pengajaran) yang paling menyumbang kepada penguasaan KBAT dalam kalangan murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan di Malaysia.

1.5 Persoalan Kajian

- 1) Apakah tahap KBAT murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan?
- 2) Apakah tahap penguasaan konsep murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan?
- 3) Apakah tahap efikasi sendiri murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan?
- 4) Apakah tahap amalan pengajaran guru berdasarkan persepsi murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan?
- 5) Adakah penguasaan konsep mempunyai hubungan signifikan dengan KBAT murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan?
- 6) Adakah efikasi sendiri mempunyai hubungan signifikan dengan KBAT murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan?
- 7) Adakah amalan pengajaran mempunyai hubungan signifikan dengan KBAT murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan?
- 8) Adakah penguasaan konsep, efikasi sendiri dan amalan pengajaran merupakan faktor signifikan yang mempengaruhi KBAT dalam kalangan murid Tingkatan Empat Prinsip Perakaunan?

1.6 Kepentingan Kajian

